RASUAH & SALAHGUNA KUASA

Rasuah Dihina Maruah Dibina

PENGENALAN KEPADA SPRM

SURUHANJAYA PENCEGAHAN
RASUAH MALAYSIA
SIAPA KAMI?

FUNGSI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

i. Menerima maklumat / *aduan kes rasuah* dan *salahguna kuasa*

ii. Mengesan / Menyiasat / Menjalankan siasatan *kes rasuah*

iii. Memeriksa dan menyediakan khidmat nasihat untuk menambahbaik amalan, sistem dan prosedur yang terdedah kepada rasuah

iv. Mendidik orang ramai menentang rasuah

v. Mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah

Prinsip Pengasingan Kuasa



"**Peguam Negara** hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya, untuk memulakan menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan Mahkamah Syariah, Mahkamah Anak Negeri atau Mahkamah Tentera."

- Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan -

KENALI
RASUAH

APA ITU RASUAH?

Penerimaan atau pemberian **SUAPAN** (rasuah) bertujuan supaya seseorang itu melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasminya.

ELEMEN RASUAH

- Pemberi rasuah
- Penerima rasuah
- Suapan - dalam pelbagai bentuk
- Balasan - tujuan rasuah diberi atau diterima
- *Mens rea* - niat jahat. Elemen paling penting dan paling susah dibuktikan dalam siasatan kes rasuah

BENTUK RASUAH

Wang

Upah

Hadiah

Jawatan

Bonus

Diskaun

Perkhidmatan

MENJADI SUAPAN APABILA

Lain-lain bentuk suapan seperti yang terkandung dalam Tafsiran Suapan, Seksyen 3, Akta SPRM

DIBUKTIKAN bahawa TAWARAN, PEMBERIAN dan PENERIMAANnya adalah SECARA RASUAH sebagai upah atau dorongan untuk seseorang melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan yang ada hubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.

RASUAH *Jenayah Serius..*

©unclecho

KESALAHAN RASUAH BERDASARKAN AKTA SPRM 2009

4

Kesalahan utama rasuah

1. Meminta/Menerima rasuah
2. Menawar/Memberi rasuah
3. Membuat tuntutan palsu
4. Menggunakan kedudukan/ jawatan untuk suapan

1 Meminta/ Menerima Rasuah

Mana-mana orang **meminta/menerima/ bersetuju untuk menerima** suapan (rasuah) sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara.

ILUSTRASI 1

Seorang pegawai dari Bahagian Kewangan telah menerima wang berjumlah RM600 sebagai upah untuk mempercepatkan bayaran tuntutan kontraktor yang menjalankan kerja-kerja membaikpulih bilik pejabat.

ILUSTRASI 2

Seorang kerani bank telah menerima wang RM 500 daripada pemohon pinjaman sebagai upah untuk memastikan permohonan pinjaman peribadi akan diluluskan oleh pihak bank.

2 Menawar/ Memberi Rasuah

Mana-mana orang **menawar/ memberi / menjanjikan** rasuah kepada seorang ejen/pegawai awam sebagai balasan untuk melakukan sesuatu perkara berkaitan tugasan rasmi pegawai awam tersebut.

ILUSTRASI 1

Seorang peniaga runcit telah memberi wang rasuah sebanyak RM500 kepada penguatkuasa Kastam supaya beliau tidak ditangkap atas kesalahan memiliki rokok seludup.

ILUSTRASI 2

Seorang Pengurus kelab malam menawarkan dan memberi wang rasuah kepada penguatkuasa PBT untuk tidak mengambil tindakan terhadapnya yang didapati telah melanggar syarat-syarat permit perniagaan yang ditetapkan.

3 Tuntutan Palsu

Mana-mana orang menggunakan/ mengemukakan dokumen tuntutan yang mempunyai butiran palsu dengan niat untuk memperdayakan pejabatnya.

ILUSTRASI 1

Menuntut bayaran bagi barang yang belum lagi dihantar.

Pembekal telah mengemukakan dokumen Pesanan Kerajaan kepada Jabatan Kerajaaan. Dalam dokumen tersebut, beliau telah memperakukan telah membekalkan barang pakaian sukan serta pakaian seragam sekolah, sedangkan barang-barang tersebut tidak dibekalkan.

ILUSTRASI 2

Tuntutan bayaran penuh, padahal barang tidak cukup bilangan atau tidak ikut spesifikasi.

Kontraktor telah mengemukakan dokumen pesanan kerajaan bagi tuntutan bayaran bagi kerja-kerja menggantikan 20 buah pintu bilik di pejabat. Padahal, kontraktor tersebut hanya menggantikan 10 buah pintu bilik

4 Salah guna kedudukan oleh penjawat awam

Pegawai badan awam menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu perkara di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

ILUSTRASI 1

Dalam satu mesyuarat tender, pengerusi mesyuarat selaku YDP Pihak Berkuasa Tempatan telah menggunakan jawatan beliau dengan meluluskan dan memberikan projek pembinaan rumah kos rendah (di kawasan jajahan PBT itu) kepada syarikat XXX Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh isterinya sendiri.

RASUAH

Jika bersalah….

PENJARA **tidak lebih 20 tahun;**

DAN

DENDA **5 kali ganda nilai suapan, atau RM10,000, mana yang lebih tinggi.**

Penerimaan & Pemberian

HADIAH

Bagaimana menjadi rasuah?

Peringatan kepada pegawai awam!

JANGAN sesekali menerima hadiah / barang bernilai daripada kontraktor / pembekal yang berurusan rasmi dengan anda.

Sekiranya anda menerima hadiah, tindakan itu akan menimbulkan rasa serba salah dan dilema kepada anda.

Keputusan anda mungkin telah dipengaruhi oleh hadiah yang diterima. Akhirnya, membawa kepada perbuatan **rasuah**.

Kesalahan menerima hadiah oleh pegawai awam



Seksyen 165 Kanun Keseksaan

Pegawai awam menerima barang bernilai tanpa balasan setimpal daripada pihak yang mempunyai urusan rasmi dengannya.

Hukuman

Penjara 2 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998: *Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah dalam Perkhidmatan Awam*

- Menyediakan panduan kepada penjawat awam berhubung pemberian dan penerimaan hadiah.
- Menjelaskan bentuk hadiah yang boleh dan tidak boleh diterima.

HADIAH menjadi RASUAH apabila…

1. Pemberi dan penerima hadiah mempunyai hubungan rasmi
2. Pemberian hadiah mempengaruhi keputusan yang akan dibuat oleh si penerima
3. Nilai hadiah tidak setimpal dengan maksud hadiah diberi

PERANAN KETUA JABATAN

Ketua Jabatan yang dikemukakan pengisytiharan tentang penerimaan hadiah boleh membuat keputusan berikut:

1. Membenarkan pegawai menerima hadiah itu
2. Mengarahkan hadiah itu dikembalikan kepada si pemberi
3. Hadiah itu disimpan oleh jabatan

Semua hadiah yang diterima wajib diisytiharkan secara **BERTULIS** kepada ketua jabatan.

LAMPIRAN 'A'

PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN

PENERIMAAN HADIAH DI BAWAH PERATURAN 8,

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM

(KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993 DAN PEKELILING

PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 1998

PERHATIAN:

1. Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap dalam 2 salinan.
2. Borang ini hendaklah diisi dengan ditaip atau ditulis dengan huruf cetak.

A. BUTIR-BUTIR PERIBADI

(i) Nama Pegawai : .....

(ii) No. Kad Pengenalan : .....

LAMPIRAN A:

Penerimaan hadiah yang **MEMERLUKAN** kebenaran untuk menerima.

LAMPIRAN 'B'

LAPORAN PENERIMAAN HADIAH

DI BAWAH PEKELILING PERKHIDMATAN

BILANGAN 3 TAHUN 1998

PERHATIAN:

1. Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap dalam satu (1) salinan sahaja.

2. Borang ini hendaklah diisi dengan ditaip atau ditulis dengan huruf cetak.

3. Borang ini hendaklah dimasukkan dalam fail peribadi pegawai atau fail yang berkaitan.

A. BUTIR-BUTIR PERIBADI

(i) Nama Pegawai : .....

(ii) No. Kad Pengenalan : .....

(iii) Gelaran Jawatan : .....

LAMPIRAN B:
Penerimaan hadiah yang **TIDAK MEMERLUKAN** kebenaran untuk menerima.

BERFIKIR SEJENAK: Sebelum anda menerima apa-apa hadiah, soalan di bawah perlu ditanya:

1. Siapa si pemberi? Adakah saya ada kepentingan dengan beliau?

2. Sekiranya saya tidak memegang jawatan sekarang, adakah dia akan beri hadiah ini?

3. Mengapa hadiah ini tidak diberi kepada pegawai lain?

4. Mungkinkah hadiah ini diberi dengan niat tertentu?

LAPORKAN RASUAH

Pengiktirafan kepada penjawat awam yang melaporkan pemberian atau penerimaan rasuah



KETUA SETIAUSAHA NEGARA,
MALAYSIA,
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 4 Timur, Blok A, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya

Telefon : 88881480
88883381
Fax : 88883382

SPRM/BKP:20/22/1.9

11 Mei 2011

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan
Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan

PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM YANG MELAPORKAN PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN RASUAH

Dalam membasmi jenayah rasuah, saya ingin memaklumkan bahawa **Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan** (**JKKMKPK**) yang dipengerusikan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada **19 Ogos 2010**, telah **bersetuju** agar suatu **pengiktirafan diberi** kepada mana-mana **penjawat awam** yang **melaporkan penawaran** atau **pemberian rasuah**. Inisiatif ini diperkenalkan selaras dengan usaha dan komitmen Kerajaan untuk memerangi jenayah rasuah sebagaimana ditetapkan dalam bidang keberhasilan utama negara (NKRA).

2. **Objektif pengiktirafan** ini antara lain adalah seperti berikut:

(i) Meningkatkan, menggalakkan serta memberi motivasi kepada penjawat awam bagi melaporkan pemberian atau peperimaan rasuah;

(ii) Mewujudkan suatu skim yang khusus untuk memberikan pengiktirafan kepada penjawat awam yang melaporkan kes-kes rasuah;

(iii) Mengiktiraf penjawat awam yang memperlihatkan etika dan integriti yang tinggi dalam menangani gejala rasuah serta mengikis pandangan negatif terhadap pelaporan kes rasuah; dan

(iv) Meningkatkan imej sektor awam dan persepsi baik bahawa pegawai awam tidak berkompromi dengan perbuatan rasuah apabila ramai yang tampil membuat laporan.

3. Bagi merealisasikan pelaksanaan inisiatif ini, Mesyuarat JKKMKPK turut bersetuju dengan mekanisme pelaksanaan pengiktirafan ini.

4. Sehubungan itu, bersama ini dilampirkan ***Garis Panduan Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Atau Penerimaan Rasuah*** untuk makluman dan hebahan kepada pegawai dan warga kerja di Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri masing-masing.

5. Pelaksanaan mekanisme pengiktirafan melalui 'Garis Panduan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Atau Penerimaan Rasuah' ini **berkuat kuasa** mulai **1 Jun 2011**.

Sekian, terima kasih.

(TAN SRI SIDEK HASSAN)

KRITERIA PENGIKTIRAFAN

1. Aduan mestilah dilaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
2. Penjawat awam yang melaporkan rasuah hendaklah memberi kerjasama sepenuhnya sehingga perbicaraan kes selesai.
3. Kes itu hendaklah sehingga membawa kepada sabitan oleh Mahkamah sehingga ke peringkat yang tiada lagi rayuan boleh dibuat.
4. Pengiktirafan kepada penjawat awam dan BUKANNYA kepada kementerian, jabatan atau agensi.
5. Mereka yang bersara LAYAK diberi pengiktirafan sekiranya aduan dilaporkan semasa masih berkhidmat.

BENTUK GANJARAN

Sijil penghargaan

Pelapor penawaran, pemberian atau penerimaan rasuah akan diberikan

Dipertimbangkan untuk pencalonan anugerah pingat di peringkat Persekutuan atau Negeri

Dalam hal tiada rampasan apa-apa termasuk wang, Panel Penilaian akan menentukan ganjaran dengan had minimum RM500.00.

TANGGUNGJAWAB MEMBUAT ADUAN

Wajib lapor tawaran/pemberian rasuah

- Mana-mana orang yang dijanji, ditawar, atau diberi rasuah untuk melakukan sesuatu perkara
- **Wajib** melaporkan kepada SPRM.

Gagal melapor

- didenda tidak lebih **RM100,000**; atau
- penjara tidak lebih **10 tahun**; atau
- kedua-duanya sekali.

TANGGUNGJAWAB MEMBUAT ADUAN

Wajib lapor permintaan/penerimaan rasuah

- Mana-mana orang yang diminta atau cuba diperoleh (daripada beliau) suapan.
- **Wajib** lapor kepada SPRM.

Gagal melapor

- didenda tidak lebih **RM10,000**; atau
- penjara tidak lebih **2 tahun**; atau
- kedua-duanya sekali.

Melaporkan Rasuah:
Apa yang penting?

- Tarikh, masa dan tempat kejadian;
- Identiti pemberi, penerima dan orang tengah (jika ada);
- Apa yang berlaku dan siapa yang terlibat dalam kejadian;
- Saksi-saksi yang mengetahui atau melihat kejadian; dan
- Dokumen-dokumen yang berkaitan.

Jenayah Rasuah?

- Datang sendiri ke mana-mana pejabat SPRM
- Menghubungi pejabat SPRM

  Talian Bebas Tol : 1-800-88-6000
  Talian Biasa : 03-8886 7000
  SMS : 019-6000 696 (Pertanyaan mengenai hadiah)
  Faks : 03-88889562

- Layari Portal SPRM - **Sistem Pengurusan Aduan (CMS) : www.sprm.gov.my**
- **Info@sprm.gov.my**
- Mengirim e-mel kepada **info@sprm.gov.my**
- Mengirim surat ke **Peti Surat 6000** (tanpa setem)
- **MACC Mobile**
- Menghubungi mana-mana pegawai SPRM

Complaint Management System (CMS)

Platform untuk orang ramai membuat aduan berhubung kes-kes rasuah secara on-line.

Sistem yang membolehkan pengadu menyemak status aduan mereka.

Pemberi Maklumat
Saksi &
AKAN DILINDUNGI

PERLINDUNGAN TERHADAP PEMBERI MAKLUMAT DAN SAKSI

OBJEKTIF UTAMA

- Secara umum untuk memerangi rasuah dan salah laku lain;
- Menggalak dan memudahkan pendedahan kelakuan tidak wajar sektor awam dan swasta;
- Melindungi pemberi maklumat (merahsiakan pemberi maklumat BUKAN SAKSI) – tidak membiarkan Pemberi Maklumat menerima padah dari pendedahannya, dan
- Memastikan perkara yang didedahkan disiasat/diambil tindakan.

Berita Harian | 19 September 2020 | Page: 8

Dituduh sebabkan pekerja beri maklumat kena pecat

Individu pertama didakwa Akta Perlindungan Pemberi Maklumat

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Wafiy dibawa keluar dari *Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.* (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

Kuala Lumpur: Seorang Timbalan Pengarah Education Malaysia Global Services (EMGS) dituduh di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dakwaan menyebabkan seorang kakitangan dipecat selepas memberi maklumat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Tertuduh, Wafiy Abdul Aziz, 35, adalah yang pertama didakwa mengikut Seksyen 10 (3) (b), Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 sejak ia dikuat kuasakan pada 2010.

Dia mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarakan sebaik pertuduhan terhadapnya dibacakan oleh jurubahasa di hadapan Hakim Azman Ahmad.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Wafiy didakwa mengambil tindakan yang memudaratkan terhadap seorang pemberi maklumat dengan cara mengapi-apikan pengerusi syarikat itu supaya menandatangani dokumen 'penamatan perkhidmatan' sebagai tindakan balas mendedahkan kelakuan tidak wajar tertuduh.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di Hampshire Office 1, Jalan Mayang Sari, di sini pada 9 Januari lalu yang boleh dihukum penjara maksimum 15 tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Afif Ali, menawarkan jaminan RM30,000 dengan seorang penjamin terhadap tertuduh.

Bagaimanapun, tertuduh dalam rayuannya, menerusi peguam Siti Sarah Khalili memaklumkan pernah dituduh di mahkamah sama mengikut Seksyen 23 Akta SPRM dan melaporkan diri dua kali sebulan.

"Kami mohon mahkamah untuk mengekalkan jumlah jaminan terdahulu, iaitu sebanyak RM12,000 berserta syarat tambahan perlu melaporkan diri kepada pejabat SPRM," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin dan kekalkan syarat tambahan ditetapkan sebelum ini.

Tertuduh juga dilarang menggangu saksi pendakwaan sepanjang perbicaraan sehingga kes selesai dan menetapkan 20 Oktober ini untuk sebutan semula kes.

Perbezaan Pemberi Maklumat dan Saksi

Pemberi Maklumat	Saksi
Pemberi Maklumat memberi maklumat sehingga membolehkan agensi penguatkuasaan memutuskan untuk melakukan siasatan.	Saksi adalah orang yang dikenal pasti hasil daripada siasatan yang dijalankan (mempunyai pengetahuan oleh kerana jawatan yang mereka pegang atau penglibatan mereka dalam sesuatu transaksi kelakuan tidak wajar yang dikenal pasti hasil daripada siasatan).
Tidak boleh menjadi saksi atau dijadikan saksi.	Menjadi saksi perbicaraan di mahkamah.
Dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.	Boleh mendapatkan perlindungan di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009.

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

kebal daripada tindakan sivil, jenayah, atau tatatertib akibat daripada pendedahan

Kerahsiaan identiti Pemberi Maklumat itu sendiri

Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan – apabila Pemberi Maklumat diambil tindakan

NOTA: *Dengan syarat pemberi maklumat bersedia dikenali oleh pegawai SPRM.*

Akta Perlindungan Saksi 2009

Menyediakan tempat tinggal untuk peserta itu

Memberikan pembayaran sara hidup

Memohon mewujudkan identiti baru

Apa-apa tindakan lain yang sesuai

Bentuk perlindungan melalui Program Perlindungan Saksi

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH
MALAYSIA
SPRM
AMANAH
ADIL
TEGAS

thank you
danke
謝謝
ngiyabonga
teşekkür ederim
gracias
merci
obrigado
dziękuję
bedankt
go raibh maith agat
sukriya
kop khun krap
terima kasih
grazie
arigatô
takk
dakujem
mochchakkeram
tapadh leat
спасибо
Баярлалаа
рахмат
dank je
mauruuru
hvala
sagolun
taiku
ありがとう
감사합니다
ευχαριστώ
мерси
хвала
dankon
akun
dankie
kiitos
dhanyavad
faafetai lava
vinaka
blagodaram
misaotra
matondo
paldies
grazzi
mahalo
asante
manana
obrigada
murakoze
tenki
chokrane
mamnun
djiere dieuf
tau
дякую
chnorakaloutioun
gratias ago
gràcies
sulpáy
sobodi
dēkuji
mèsi
didi madloba
najis tuke
kam sah hamnida
rahmat
tanemirt
rahmet
diolch
dhanyavadagalu
shukriya
mercé
trugarez
xièxie
enkosi
bayarlalaa
gràçie
köszönöm
nanni
nandri
mersi
kia ora
barka
welalin
tack
spas
akun
dankon
aciū
তোমাকে ধন্যবাদ